

Amalan pembangkang dalam BN tidak patut digalakkan

UM 30 SEP 1989

KOTA KINABALU
29 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa amalan parti pembangkang yang urut bergerak sebagai parti komponen Barisan Nasional (BN) seperti yang berlaku di abah bukannya

Oleh
Badrul Azhar Rahman

amalan yang patut digalakkan.

Katanya, kerajaan BN memang bertindak fleksibel dalam hal ini serta mengambil kira keadaan setempat dan semasa tetapi amalan itu tidak harus digalakkan.

Menurut beliau, kerjasama yang lebih padu antara parti-parti komponen BN lebih bererti kerana ia mengurangkan peluang-peluang pembangkang untuk mencelah.

Perdana Menteri menegaskan demikian semasa merasmikan Kongres Keempat PBS di Yayasan Sabah di sini hari ini. Inilah lawatan beliau yang pertama di sini setelah kerajaan PBS memerintah.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama antara parti-parti komponen BN juga akan menjamin kestabilan dan kerajaan tidak akan terdedah kepada berbagai ancaman.

Beliau bagaimanapun berpuashati kerana dalam keadaan selemikian rupa, Sabah masih dibangunkan dengan pesat.

Perdana Menteri turut berharap agar parti PBS bertambah kukuh kerana apabila parti itu kukuh, ia juga akan mengukuhkan lagi Baitisan Nasional.

“Sudah semestinya kita mengharapkan semua parti-parti komponen BN semakin kukuh supaya kita dapat mentadbir negara ini dengan penuh kewibawaan,” tegas Datuk Sri Dr. Mahathir kepada lebih 3,000 pemerhati dan perwakilan PBS yang menghadiri majlis perasmian itu.

Beliau turut mengingatkan ahli-ahlipolitik bahawa rakyat di negara ini terdiri dari berbagai kaum dan adalah tidak mudah bagi kerajaan yang dipilih menjadi popular dengan semua pihak.